

Diplomat negara ASEAN tidak harus campuri urusan Malaysia

UM: 6 APR 2001

KUALA LUMPUR 5 April — Kedutaan serta diplomat negara-negara ASEAN termasuk dari Singapura dan Indonesia sepatutnya sensitif dengan tidak mencampuri urusan dalaman negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, seperti mana Malaysia tidak pernah campur tangan dalam hal ehwal negara anggota, dasar yang sama sepatutnya diikuti oleh mereka.

“Mereka harus sensitif terhadap perasaan kita. Kita tak campur tangan dalam urusan rumah tangga mereka dan mereka juga tidak harus campur tangan dalam rumah tangga kita,” kata beliau kepada pemberita selepas melawat Angkasapuri hi sini, hari ini.

Beliau mengulas tindakan Kedutaan Singapura dan Indonesia menghantar diplomat masing-masing untuk menghadiri taklimat tertutup Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mengenai isu Datuk Seri Anwar Ibrahim di sebuah hotel di Petaling Jaya pada 29 Mac lalu.

Penyertaan mereka disertai sama oleh diplomat kedutaan-kedutaan asing yang lain dari Australia, Britain, Kanada, Perancis, Sepanyol, Sweden, Belanda, Amerika Syarikat, Jerman dan New Zealand.

Semalam, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, tindakan

diplomat kedutaan-kedutaan asing terbahagi menghadiri taklimat itu telah mencampuri urusan politik dalaman negara ini.

Menurutnya, taklimat oleh Presiden Keadilan, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail itu bukanlah mesyuarat tahunan parti pembangkang sebaliknya ia membincangkan perkara-perkara yang mempunyai konotasi politik dan perjuangan parti itu.

Mengulas kenyataan Syed Hamid itu, Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak suka orang asing mengambil bahagian mencampuri urusan dalaman negara ini.

Kerajaan juga, kata beliau, tidak pernah memanggil kedutaan-kedutaan asing terbahagi untuk memberi penjelasan mengenai isu itu walaupun mendapati ramai kalangan mereka memandang serong terhadap kerajaan.

“Namun kita tak buat apa-apa penjelasan khusus kepada mereka sedangkan kita boleh berbuat demikian kerana kita mempunyai maklumat yang mereka mungkin tak ada.

“Tetapi kalau selalu undang orang asing campur tangan (dalam negara), janganlah marah pula kalau esok orang asing kuasai negara kita,” katanya.